

PERSEPSI DAN SIKAP GURU BAHASA MELAYU TERHADAP KEMAHIRAN MENULIS DI SEKOLAH RENDAH KAWASAN PENSIANGAN-SALINATAN DAERAH NABAWAN, SABAH: SATU ANALISIS

Jeyagobi a/l Dhamodarem
Jabatan Pengajian Melayu

Abstrak

Dalam sistem pendidikan formal di negara kita, subjek bahasa Melayu diajar dari darjah satu hingga ke tingkatan enam. Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 telah memperkenalkan tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Hal ini ternyata bahawa pihak kementerian pelajaran memandang serius dalam melahirkan generasi yang berwibawa dalam aspek penulisan. Tujuan kemahiran menulis ini didedahkan kepada pelajar di semua peringkat persekolahan secara umumnya adalah untuk membolehkan pelajar mengutarakan pandangan, ulasan, laporan, rumusan dan lain-lain bentuk dengan tepat, menarik dan berkesan. Dalam kajian ini, pengkaji cuba mengukur sejauhmanakah persepsi guru bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar sekolah kerana kejayaan seseorang pelajar terletak dalam tangan guru. Sekiranya guru mempunyai persepsi yang tidak baik maka sudah pasti pelajar tidak akan memperoleh kepakaran dalam penulisan. Seterusnya, pengkaji cuba mengenal pasti sikap guru bahasa Melayu untuk mengajar kemahiran menulis. Sikap guru terhadap kemahiran menulis akan menentukan sejauhmana kemahiran ini diberi perhatian oleh guru semasa mengajar subjek bahasa Melayu di dalam kelas. Akhir sekali, pengkaji akan menganalisis keberkesanan persediaan guru untuk mengajar kemahiran menulis. Sekiranya persediaan guru tidak mencukupi untuk mengajar kemahiran menulis, sudah pasti input yang disampaikan tidak akan membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis mereka. Segala data yang diperolehi melalui borang soal selidik dan temu bual serta kajian perpustakaan akan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif bagi merumuskan dapatan kajian ini. Sebagai rumusan, pengkaji akan memberi beberapa cadangan kepada semua pihak yang terlibat untuk bersama-sama memikirkan kepentingan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar sekolah rendah lagi. Sekiranya guru tidak membuka mata pelajar di peringkat sekolah rendah untuk menulis dan mencuit minda mereka untuk menulis, sudah pasti usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan generasi muda yang berkemahiran membaca, menulis dan mengira sukar dicapai. Semoga semua maklumat yang diberi dalam kajian ini memberi sedikit maklumat berguna kepada warga pendidik di negara kita untuk melahirkan generasi penulis pada masa akan datang. Kejayaan bidang penulisan jelas terletak dalam tangan para pendidik yang menjadi asas membina bangsa Malaysia yang cemerlang.

Abstract

In our country formal education system, Bahasa Melayu is taught from year 1 until form 6. The implementation of the New Curriculum of Primary School (KBSR) in 1982 introduced 3 basic skills which are reading, writing and calculating. This showed that the Education Ministry is very serious in producing good generation in writing aspect. The objective of the writing skill is to exposed students at all level so that they are able to give opinion, write

report, summary effectively. In this study, the researcher is trying to measure the Bahasa Melayu teachers' perception towards the writing skills among students because the students' success depends on the teachers. If the teachers have bad perceptions therefore students would not be able to master the writing skills. Teachers' attitudes toward students' writing skills will determine how far this skill is being stressed on during teaching the subject. Lastly, the researcher will analyze the effectiveness of teachers' readiness to teach the writing skill. If the teachers' preparation is inadequate to teach this skill, the input would not help the students to enhance their writing skills. All data gathered from the questionnaires, interviews and library research will be analyzed qualitatively and quantitatively. As a conclusion, the researcher will give suggestions on how to enhance students' writing skills starting from primary level. If teachers do not encourage or inspire students to write from early stage, for sure the Education Ministry objective to produce generation who are capable of reading, writing and calculating difficult to achieve. It hoped that this study will give some input for teachers in producing writing generation. The success of writing field is on teachers' responsibility to build excellent Malaysian nation.

Pengenalan

Bahasa ialah alat komunikasi terbaik antara manusia. Ia juga merupakan hasil proses pemikiran dan juga mengaitkan hubungan antara peribadi. Ia menjadi saksi bagi proses-proses berkaitan yang berlaku alam akal fikiran manusia. Khususnya, pengekodan atau penjanaan buah fikiran atau mesej bermakna pewujudan buah fikiran atau mesej itu dalam kata-kata atau bunyi bahasa yang kita dengar, tetapi yang tersusun menurut peraturan-peraturan tertentu dan mendukung makna tertentu

Menurut Halliday (1975;1979), terdapat tujuh fungsi bahasa iaitu, alatan (instrumental), penterbit (regulatory), interaksi atau perhubungan (interactional), peribadi (personal), penemuan(heuristic), khayalan(imaginative), dan pernyataan (representational). Ketujuh fungsi ini sangat penting dalam aktiviti seharian kita kerana kita menggunakan bahasa sebagai bahan perantara walaupun bagi tujuan bermonolog.

Robert Lado pula berpendapat, menulis bermaksud memberikan simbol grafik bagi melambangkan bahasa yang difahami oleh seseorang itu, supaya orang lain juga boleh membaca simbol grafik ini jika mereka tahu bahasa dan simbol grafik tersebut.

Menurut Ann Raimes (1983:3) in *Techniques in Teaching Writing*, kemahiran menulis dapat:

- a. Merangsang dan memahirkan tatabahasa, idea, perbendaharaan kata dan perasaan.
- b. Memberi peluang kepada pelajar untuk menerokai bidang bahasa.
- c. Memperluas pengetahuan kepada pelajar untuk melahirkan idea dan menggunakan seluruh anggota mekanis (mata, tangan, akal dan lain-lain) untuk merangsang pembelajaran.

Menurut Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Abd Aziz dalam bukunya, "Penguasaan Kemahiran Menulis" menekankan bahawa kemahiran menulis penting dalam kalangan pelajar kerana mereka bakal menjadi penulis yang akan mengisi khazanah dan budaya bangsa. Jika kita menganggap penulisan adalah sesuatu yang mudah dan dapat dilakukan tanpa terikat kepada bentuk disiplin diri, ia akan mengakibatkan lahirnya penulis santai.

Menurut kajian British et al. (1975) menunjukkan keperluan kemahiran menulis dalam pelbagai mata pelajaran yang dipelajari di sekolah-sekolah di Britian. Dengan itu satu hakikat yang tidak dapat dirangkaikan ialah kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar untuk menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Dalam pengajaran bahasa, pada umumnya ada empat kemahiran yang dipentingkan, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. (Mackey, 1974:261). Dalam keempat-empat kemahiran tersebut, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling kompleks. Kemahiran ini melibatkan pergerakan mata, pergerakan tangan dan juga kepintaran otak. Ia terbahagi kepada tulisan mekanis dan tulisan kreatif. Tulisan mekanis hanyalah tulisan yang berbentuk peniruan sahaja, sedangkan tulisan kreatif memerlukan pelahiran buah fikiran oleh penulis. Dalam amalan pendidikan, lazimnya tulisan mekanis amat dipentingkan pada peringkat awal proses pembelajaran di sekolah rendah.

Ishak (1979) pula, menganggap mengarang merupakan sebahagian daripada kemahiran yang penting dimiliki murid kerana sebahagian besar daripada pendidikan formal memerlukan kerja-kerja menulis dan mengarang sebagai kaedah untuk menyampaikan maklumat, idea, perasaan, dan pendapat. Ini bukan sahaja tertumpu kepada mata pelajaran bahasa Melayu bahkan juga dalam semua mata pelajaran yang dipelajari di sekolah.

Menurut Za'ba (1969) dalam bukunya, "Bahasa Melayu, Sijil Persekolahan", tujuan yang besar belajar mengarang ialah menyebutkan fikiran-fikiran atau pendapat sendiri dengan terang dan teratur untuk dibaca oleh orang lain serta member kesan pada pembacanya.

Menulis karangan adalah teknik pengujian yang paling penting digunakan bagi menguji kemahiran penulisan pelajar. Dalam peperiksaan, menulis karangan merupakan satu tugas yang menguji buah fikiran, pengetahuan, kebolehan menyampaikan maklumat pelajar. Oleh yang demikian, pelajar perlu cekap dan mahir dengan teknik-teknik mengarang disamping berkebolehan memahami tajuk atau kehendak soalan supaya isi yang disampaikan itu tepat dan spesifik.

Pernyataan Masalah

Bahasa Melayu kini telah mendapat tempat dalam masyarakat Malaysia. Di mana sahaja kita pergi, kita dapat melihat bahasa Melayu digunakan dengan fasih sama ada oleh masyarakat Melayu maupun masyarakat bukan Melayu. Ada pula golongan yang telah mula menggunakan bahasa Melayu bersama bahasa ibunda mereka seolah-olah ia menjadi sebahagian dari bahasa ibunda mereka. Persoalannya sekarang, adakah penguasaan bahasa lisan seimbang dengan penguasaan bahasa tulisan atau penulisan? Sejauh mana para pendidik memberi penekanan terhadap aspek penulisan semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji menghadapi masalah mendapatkan maklumat soal selidik memandangkan kesemua sekolah terdapat di kawasan yang sukar dihubungi. Pengkaji terpaksa ke kawasan tersebut dan menetap beberapa hari untuk menemui kesemua responden secara bersemuka. Ia mengambil masa yang lama dan perjalanan amat merumitkan.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memberikan gambaran sebenar persepsi dan sikap guru terhadap penguasaan bahasa Melayu penulisan dan kesannya terhadap kemahiran menulis para pelajar. Tiga objektif utama dalam kajian ini adalah seperti yang berikut

- i. Mengukur persepsi guru bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar sekolah
- ii. Mengenal pasti sikap guru bahasa Melayu untuk mengajar kemahiran menulis
- iii. Menganalisa keberkesanan persediaan guru untuk mengajar kemahiran menulis

Khasnya, kajian ini bermatlamat untuk menjelaskan persepsi dan sikap guru bahasa Melayu dan seterusnya menganalisa keberkesanan persediaan guru mengajar kemahiran menulis semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Diharapkan melalui kajian ini, boleh menampakkan perhubungan yang jelas antara persepsi dan sikap guru bahasa Melayu terhadap pelaksanaan kemahiran menulis yang akan memberi kesan dalam melahirkan pelajar yang mampu menyatakan pandangan secara tulisan.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat memberikan idea-idea kepada sesiapa sahaja untuk mendalami lagi kajian bidang penulisan supaya dapat mengenal pasti pendekatan terbaik yang dapat di praktikkan di sekolah. Peningkatan kemahiran menulis pelajar, akan memberi kesan positif dalam alam bahasa Melayu di mana kita dapat merealisasikan impian Kementerian Pelajaran Malaysia dalam melahirkan insan yang berpotensi. Perubahan sikap guru terhadap aspek penulisan akan membantu pelajar lebih yakin menghasilkan karya bermutu seterusnya membantu menyelesaikan masalah buta huruf dan seterusnya dapat membantu mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Batasan Kajian

Kajian ilmiah mengenai persepsi dan sikap guru bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis hanya melibatkan empat buah sekolah kawasan pedalaman daerah Nabawan, Sabah. Pengkaji memfokuskan tiga aspek utama iaitu persepsi guru, sikap guru dan pelaksanaan kemahiran menulis sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Aspek lain yang membantu memantapkan proses pengajaran seperti keadaan prasarana sekolah, faktor luaran dan dalaman sekolah dan sebagainya tidak diambil kira dalam kajian ini.

Pengkaji menggunakan hasil analisis borang soal selidik dan pandangan guru-guru berkaitan bagi menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis dijalankan di dalam kelas

Kepentingan kajian

Pendedahan Menteri Pelajaran tentang masalah buta huruf di negara kita memeranjatkan rakyat Malaysia keseluruhannya. Hampir 20 peratus pelajar yang melangkah masuk ke sekolah menengah tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis. Maka pengkaji

bercadang mengetahui persepsi guru terhadap kemahiran menulis kerana guru merupakan asas membentuk pelajar di sekolah.

Kajian persepsi dan sikap bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis ini juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Kajian ini penting sehubungan dengan pemerhatian dan perbandingan dengan pencapaian seseorang pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji cuba membuat analisis tentang sejauh manakah persepsi guru bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis ini memandangkan ia merupakan aspek penting dalam pengajaran bahasa Melayu. Ia amat penting meningkatkan pencapaian dalam aspek penulisan pelajar di peringkat sekolah rendah. Hasil kajian ini bukan sahaja diharap akan mendatangkan manfaat dalam membandingkan penggunaan bahasa Melayu dalam aspek lisan dan tulisan, malah adalah diharapkan hasil kajian ini akan menjadi panduan kepada:

- i. Pelajar sekolah rendah dan menengah
- ii. Ibu bapa
- iii. Guru-guru bahasa Melayu
- iv. Pihak sekolah (rendah dan menengah)
- v. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan melihat sejauhmana persepsi dan sikap guru bahasa Melayu (seterusnya dikenali BM) boleh mempengaruhi pelaksanaan pengajaran kemahiran menulis semasa proses pengajaran subjek bahasa Melayu dijalankan. Borang soal selidik yang diisikan oleh guru bahasa yang mengajar subjek bahasa Melayu dan hasil temubual guru-guru bahasa Melayu di SK Kuala Salong, SK Logongon, SK Salinatan dan Sk Pekan Pensiangan akan dijadikan data asas kajian ini. Kajian kes ini dapat memberikan data empirikal dengan melibatkan subjek secara langsung dalam kajian ini. segala hasil kajian akan dikumpul, diteliti dan dianalisis secara terperinci

Kaedah pengumpulan data

Pengumpulan data yang dimaksudkan di sini adalah pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam kajian ini, data dikumpul melalui kaedah perpustakaan, soal selidik, dan temu bual dengan responden

Penyelidikan perpustakaan

Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan pengetahuan mengenai kepentingan kemahiran menulis dalam menjamin pencapaian pelajaran seseorang pelajar. Pengkaji juga meneliti kajian yang dilakukan oleh pengkaji lain yang berkaitan dengan persepsi dan sikap guru dan hubungannya dengan pelaksanaan pengajaran kemahiran menulis semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan

Borang Soal Selidik

Pengkaji mengedarkan borang soal selidik bagi menilai persepsi dan sikap guru bahasa Melayu terhadap pelaksanaan kemahiran menulis semasa mengajar subjek bahasa Melayu. Borang ini disediakan oleh pengkaji berdasarkan empat bahagian penting. Bahagian A akan memerlukan latar belakang responden seperti tempat bertugas, jantina, umur, kumpulan etnik, taraf pendidikan, penghususan subjek semasa latihan perguruan dan pengalaman mengajar. Kesemua maklumat ini memberi gambaran kepada pengkaji tentang latar belakang seseorang guru dalam memberi keyakinan kepadanya untuk mengajar. Pengkaji juga ingin dapatkan maklumat sekiranya terdapat guru tanpa latihan atau guru sandaran di semua sekolah yang dipilih untuk mengadakan kajian ini. Bahagian B pula memaparkan soalan yang berkaitan persepsi guru terhadap kemahiran menulis. Sebanyak 17 soalan disediakan untuk dipilih oleh responden. Soalan ke-17 berbentuk komen responden dan ia diberi sebagai pilihan sahaja. Kesemua soalan dianalisis untuk mendapatkan min dan sisihan piawai dan ditafsirkannya. Bahagian C pula merangkumi 14 soalan berkaitan sikap guru terhadap kemahiran menulis. Bahagian D pula, soalan berkaitan persediaan guru sebelum melaksanakan pengajaran dan cara penilaian dijalankan ke atas hasil penulisan pelajar. Bahagian ini mempunyai 11 soalan dan soalan terakhir berbentuk pilihan sekiranya responden ingin memberi komen tambahan atau cadangan. Pengkaji menetapkan hasil statistik soal selidik untuk membuat rumusan keseluruhan dapat kajian ini.

Temu bual

Kaedah ini dianggap sesuai untuk kajian ini kerana ia akan memberi peluang kepada pengkaji untuk bersemuka dengan responden bagi memperoleh maklumat. Melalui temu bual ini juga, pengkaji dapat mengetahui persepsi dan sikap guru terhadap pelaksanaan kemahiran menulis sewaktu pengajaran dijalankan. Aspek yang akan dijadikan topik perbualan dengan responden ialah apakah masalah yang dihadapi oleh mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis dalam kalangan pelajar sekolah pedalaman. Pengkaji juga mengadakan temu bual dengan guru mata pelajaran bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan minat pelajar, serta tingkah laku pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pengkaji juga mengumpul maklumat mengenai kebolehan pelajar mengikuti proses pengajaran dijalankan melalui guru mata pelajaran

Kaedah Penganalisan data


Kajian ini akan dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif. Data daripada borang soal selidik yang telah diisi oleh responden dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan maklumat secara kuantitatif. Manakala data temu bual dan kajian perpustakaan akan dijadikan sebagai data kualitatif bagi membuat sesuatu keputusan kajian ini.

Latar belakang responden

Pengkaji menetapkan hanya guru yang sedang mengajar subjek bahasa Melayu sahaja akan dijadikan sebagai responden. Guru yang pernah mengajar tidak dijadikan responden kerana pengkaji mengandaikan mereka mungkin akan memberi maklumat berdasarkan pandangan semata-mata. Pengkaji memerlukan pandangan berdasarkan amalan dan bukannya

pandangan. Pengkaji akan meneliti responden berdasarkan persepsi dan sikap terhadap pelaksanaan kemahiran menulis semasa proses pengajaran dijalankan. Tujuannya adalah untuk meneliti sejauh mana guru bahasa Melayu memberi tumpuan kepada pengajaran kemahiran menulis sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas.


Latar belakang Responden



Rajah 1. Bilangan Guru BM

Rajah 1, memaparkan empat buah sekolah yang dipilih dan bilangan responden mengikut sekolah. Didapati SK Salinatan mendahului bilangan guru bahasa Melayu dan diikuti sekolah SK Kuala Salong dan SK Pekan Pensiangan masing-masing 4 orang guru bahasa Melayu. SK Logongon pula hanya mempunyai tiga orang guru bahasa Melayu. Rajah 2, pula memaparkan bilangan guru mengikut etnik. Guru di keempat-empat buah sekolah tersebut terdiri daripada bangsa Melayu seramai 5 orang, bangsa Murut seramai 5 orang dan bangsa Dusun seramai 7 orang. Kesemua guru berbangsa Melayu berasal dari semenanjung Malaysia. Manakala guru berbangsa Murut dan Dusun berasal sekitar negeri Sabah.


Umur Responden



Rajah 2. Umur Guru BM

Didapati 14 orang atau 82.3 peratus responden kurang 35 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan guru di kawasan pedalaman adalah golongan guru muda. Mereka akan bertugas beberapa tahun bagi memenuhi syarat dan akan bertukar ke kawasan yang lebih selesa. Walau bagaimanapun hal ini tidak banyak mempengaruhi pencapaian pelajar kerana komitmen guru-guru ini amat memberangsangkan.

Kelayakan Akademik



Rajah 3. Kelayakan Akademik

Kelayakan akademik dan ikhtisas amat diperlukan oleh seseorang guru untuk memantapkan tugas mereka. Pengkaji mendapati 11 orang guru iaitu 67.7 peratus guru terdiri dari guru berijazah. Hanya enam orang guru berkelulusan STPM atau SPM. Ini membuktikan bahawa hasrat Kementerian Pelajaran melantik 50 peratus guru berijazah di sekolah rendah menjadi kenyataan menjelang tahun 2010. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menggariskan kepentingan kelayakan guru untuk menaikkan taraf profesion perguruan juga semakin menjadi kenyataan. Walau bagaimanapun pengkaji kurang berpuashati dengan keadaan guru yang mengajar subjek bahasa Melayu bukan semuanya berkelulusan dalam bidang bahasa. Hanya sembilan orang (53%) berkelulusan bidang bahasa Melayu dan lapan orang (47%) bukan opsyen bahasa Melayu. Ini boleh dianggap satu kelemahan yang ketara

kerana guru bukan opsyen dianggap kurang mempunyai kepakaran dalam mengajar subjek bahasa Melayu

Persepsi Guru Bahasa Melayu

Guru bahasa Melayu yang disoal selidik bersetuju bahawa kemahiran menulis melibatkan kemahiran mental dan ia dapat menambahkan pemahaman pelajar semasa menimba ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan pendapat berkaitan kemahiran menulis mampu membina keyakinan pelajar. Sisihan piawai bagi aspek kemahiran menulis membina keyakinan dan memberi peluang kepada pelajar ialah 0.624. Ini menunjukkan terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan guru bahasa Melayu. Secara purata seramai 3.06 orang guru mempunyai pandangan bahawa pelaksanaan kemahiran menulis akan melambatkan proses menghabiskan sukatan. Sisihan piawai bagi aspek ini juga menunjukkan perbezaan pendapat yang amat ketara iaitu 1.088. Begitu juga terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan guru berkaitan kemahiran menulis melibatkan proses mental sahaja. Sisihan piawai bagi aspek ini ialah 1.213. Walau bagaimanapun aspek ini hanya menduduki tempat kedua jika dibandingkan dengan aspek kemahiran menulis hanya melibatkan pelajar cerdas sahaja. Sisihan piawai bagi aspek ini ialah 1.55 membuktikan guru-guru bahasa Melayu mempunyai pandangan yang berbeza-beza dalam hal ini.

Sikap Guru

Jadual 1. Sikap Guru

Aspek	Min	Sisihan Piawai
Matlamat utama menghabiskan sukatan	3.12	1.364
Selalu berbincang dengan rakan	4.29	0.849
Persediaan mengajar KM tidak membebankan	4.00	0.791
Mengajar KM secara tidak langsung	4.06	0.748
Mengambil berat tentang KM	4.12	0.697
Tidak melaksanakan KM dalam P&P	4.18	0.636
Mengajar KM untuk merangsang pemikiran pelajar	4.47	0.624
Laksanakan KM merupakan tanggungjawab guru	4.41	0.618
Mengajar KM mengikut kemampuan pelajar	4.29	0.588
Berpuas hati dengan perkembangan KM	4.29	0.588
Tahu kepentingan KM	4.47	0.514

Hampir semua guru mempunyai pandangan yang sama berkaitan pengalaman menulis akan menyeronokkan pelajar. Begitu juga dalam hal berkaitan masa yang diperlukan bagi mengajar kemahiran menulis adalah agak lama. Kedua-dua aspek ini memperoleh purata skor sebanyak 4.00 sahaja. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang ketara dalam menghabiskan sukatan dan ia menduduki tempat pertama dalam menilai aspek sikap guru terhadap kemahiran menulis. Sisihan piawai dalam aspek ini ialah 1.364 menunjukkan para guru mempunyai pandangan yang berbeza-beza dalam hal ini. Guru sentiasa diingatkan oleh pentadbir supaya menghabiskan sukatan pelajaran dihabiskan dahulu. Tekanan seperti ini boleh mempengaruhi tumpuan guru dari memastikan kemahiran menulis diutamakan kepada menghabiskan sukatan dahulu. Tetapi terdapat golongan guru bahasa Melayu yang berpendirian teguh dalam memberi tumpuan kepada kemahiran menulis pelajar didahulukan

dan bukannya perkara menghabiskan sukatan, Terdapat guru yang menggabungkan beberapa kemahiran semasa menyediakan persediaan mengajar supaya sukatan dihabiskan dengan cepat dan tumpuan diberikan dalam kemahiran menulis.

Kita dapati 82.3 peratus responden berumur kurang 35 tahun. Boleh dikatakan pengalaman mereka dalam mengajar tidak mantap. Walau bagaimanapun sisihan piawai aspek berkongsi maklumat dengan rakan adalah amat tinggi iaitu 0.849. Ini menunjukkan responden kurang berkongsi pengalaman dengan rakan. Halini perlu diberi perhatian kerana aspek perkongsian maklumat boleh menambahkan kebolehan mengajar kemahiran menulis. Responden mampu mentafsir sesuatu masalah sebelum memulakan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran

Terdapat perbezaan pendapat dalam aspek penyediaan persediaan mengajar di mana ramai mengatakan bahawa ia membebankan. Kurikulum Baru Sekolah Rendah mengkehendaki guru mengajar kemahiran menulis secara tidak langsung semasa proses pengajaran dijalankan. Walau bagaimanapun terdapat pandangan yang berbeza-beza dalam hal ini di mana sisihan piawai 0.748 memberi gambaran bahawa terdapat guru yang mengajar kemahiran menulis secara terus. Hal ini perlu diberi perhatian kerana pelajar akan menjadi bosan sekiranya kemahiran menulis diajar secara terus menerus. Sisihan piawai bagi aspek sama ada responden mengambil berat tentang kemahiran menulis juga lebih tinggi iaitu 0.697. Sepatutnya semua guru harus mengambil berat dalam aspek kemahiran menulis kerana ia merupakan salah satu aspek wajib dalam mengajar bahasa selain aspek lisan dan kefahaman. Langkah membetulkan keadaan harus dilaksanakan supaya semua guru bahasa Melayu wajib mengambil berat dalam aspek penulisan. Responden juga menunjukkan pandangan yang berbeza dalam aspek menjalankan aktiviti penulisan dalam pengajaran dan pembelajaran dimana sisihan piawai ialah 0.636 dan ia dianggap tidak sepatutnya berlaku. Setiap guru wajib melaksanakan kemahiran menulis semasa mengajar bahasa. Apabila guru tidak mengambil berat tentang kemahiran menulis dan tidak melaksanakan kemahiran menulis dalam proses pengajaran dan pembelajaran maka tidak hairanlah responden memberi tafsiran berbeza-beza dalam hal kemahiran menulis boleh merangsang pemikiran pelajar di mana sisihan piawai aspek ini ialah 0.624. Responden juga mempunyai pandangan yang berbeza dalam hal mengajar kemahiran menulis mengikut kebolehan pelajar. Guru bahasa sepatutnya mengajar kemahiran menulis setelah mengambil kira kepelbagaian tahap pencapaian pelajar. Maka, guru bahasa Melayu sepatutnya menyediakan latihan menulis pelbagai aras mengikut kebolehan pelajar. Ini merupakan tindakan yang sepatutnya dilaksanakan oleh setiap guru bahasa Melayu. Pengkaji amat terkilan apabila guru mempunyai pandangan yang berbeza-beza dalam hal ini. Sesuatu langkah positif harus diadakan supaya membetulkan keadaan ini

Responden juga menunjukkan perbezaan pendapat yang ketara dalam hal kepuasan diri dalam mengajar kemahiran menulis dimana sisihan piawai ialah 0.588. Ramai di antara responden tidak berpuas hati mengajar kemahiran menulis. Responden juga tidak menunjukkan persamaan pendapat dalam hal mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat untk memperbaiki kaedah pengajaran kemahiran menulis. Hal ini sepatunya diberi perhatian serius. Pihak pentadbiran harus menggalakkan pegawai sentiasa berkongsi maklumat berkaitan tugas harian. Setiap organisasi harus mengadakan latihan dalaman dari masa ke masa dalam usaha memantapkan ilmu dalam kalangan guru bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, pengkaji berpendapat bahawa sikap guru terhadap kemahiran menulis adalah pada tahap tidak memuaskan. Daripada 14 aspek yang disoal selidik hanya dua aspek berada pada tahap sisihan piawai 0.5 ke bawah. Baki 12 aspek sisihan piawai melebihi 0.5. Ini menunjukkan terdapat pandangan responden amat ketara berbeza-beza. Pihak pentadbir harus memberi perhatian serius dalam usaha mengubah sikap guru-guru bahasa Melayu supaya pengajaran kemahiran menulis kembali ke landasan yang betul.

Pelaksanaan Kemahiran Menulis

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji mendapati terdapat perbezaan ketara dalam aspek penggunaan ICT dan radio dalam pengajaran kemahiran menulis iaitu min masing-masing 3.24 (s.p 1.30) dan 2.88 (s.p 1.22). Amalan penggunaan ICT dan radio boleh dikatakan terhad di kawasan pedalaman kerana beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan seperti kemudahan elektrik. Kawasan pedalaman tidak dibekalkan dengan kemudahan tersebut. Pihak sekolah jarang menggunakan kuasa elektrik kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Tambahan pula, mereka sukar mendapatkan bekalan minyak petrol untuk menjana generator yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Generator akan digunakan sekiranya pihak sekolah benar-benar memerlukan kemudahan tersebut.

Jadual 2. Kemahiran Menulis Guru

Aspek	Min	Sisihan Piawai
Selalu menggunakan ICT	3.24	1.300
Selalu menggunakan radio	2.88	1.219
Mengajar KM secara intuiti	3.53	1.179
Peringkat awal menilai secara menyeluruh	3.88	1.111
Peringkat awal menilai aspek tertentu sahaja	3.71	1.105
Merancang dan mengajar KM berdasarkan sukatan	3.94	1.088
Sentiasa memberi pengalaman/pendedahan sebelum mula menulis	4.24	0.752
Merancang dahulu sebelum mengajar KM	4.24	0.664
Mengajar KM mengikut prosedur yang betul	4.24	0.664
Menggunakan peta minda semasa mengajar KM	4.06	0.659

Para sarjana berpendapat bahawa pelajar harus diberi peluang untuk menulis secara bebas tajuk yang mereka minati dalam usaha meningkatkan mutu penulisan pelajar. Guru sepatutnya membantu membentuk hasil penulisan pelajar dari satu aspek ke satu aspek supaya pelajar lebih bersemangat menulis tanpa mengganggu emosi mereka. Sekiranya guru menilai hasil penulisan secara terus menerus, sudah pasti guru dapat mengenal pasti banyak kelemahan mereka dan akan merendahkan motivasi mereka terhadap menghasilkan penulisan. Hasil rumusan soal selidik ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pandangan yang berbeza-beza dalam hal ini purata sisihan piawai bagi ketiga-tiga aspek ini ialah 1.13. Ini menunjukkan responden tidak melaksanakan kemahiran menulis dengan sebaiknya.

Sukatan kemahiran menulis merupakan panduan bagi semua guru bahasa Melayu. Mereka seharusnya menjadikan sukatan sebagai panduan utama walaupun mereka dibenarkan

menggunakan aras pengajaran berbeza-beza mengikut kemampuan pelajar. Tetapi analisis aspek ini juga menunjukkan pandangan yang berbeza-beza. Sisihan piawai aspek ini ialah 1.088. Guru sepatutnya mempunyai pandangan yang sama dalam hal ini kerana sukatan harus dijadikan panduan unggul semasa mengajar apa juga subjek.

Proses pengajaran dimulakan dengan set induksi bagi menarik perhatian pelajar. Biasanya guru akan memulakan sesuatu pengajaran dengan tajuk yang diketahui pelajar dan diselitkan informasi baru. Ini merupakan dasar bagi sesuatu pengajaran dijalankan. Begitu juga dengan cara mengajar aspek penulisan, pelajar harus diberi pendedahan yang secukupnya tentang sesuatu tajuk yang akan ditulis. Mereka perlu diberi pendedahan atau pengalaman secara terus atau pun secara tidak langsung mengenai sesuatu topik yang hendak ditulis. Selepas itu, pelajar akan lebih yakin menulis tentang sesuatu tajuk yang diberi guru. Hasil analisis soal selidik mendapati responden mempunyai pendapat yang berbeza-beza dalam hal ini. Sisihan piawai ialah 0.752. Pengkaji merasakan bahawa guru-guru bahasa Melayu harus diberi pendedahan yang secukupnya tentang hal ini

Guru harus merancang dahulu sebelum mengajar sesuatu kemahiran diajar. Guru juga harus mengajar sesuatu aspek mengikut prosedur yang betul dan penggunaan peta minda bagi tujuan menulis amatlah digalakkan supaya pelajar mendapat gambaran secukupnya sebelum menulis. Hasil soal selidik mendapati sisihan piawai bagi ketiga-tiga aspek ini juga tinggi iaitu purata 0.662. Ini menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai pandangan yang sama dalam hal ini. Maka langkah bagi memperbetul keadaan harus diambil supaya kemahiran menulis dapat dilaksanakan dengan baik semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Hasil Temu Bual Responden

Pengkaji telah mengadakan temu bual dengan responden yang terlibat dalam kajian ini. Oleh kerana mereka berasal dari latar belakang yang berlainan, maka pandangan mereka juga berlainan. Responden dari Semenanjung Malaysia mempunyai pandangan berbeza dengan responden tempatan. Begitu juga dengan responden yang berijazah berbeza pandangan dengan responden yang berkelulusan STPM dan SPM. Perbezaan pendapat ini mungkin disebabkan tahap keyakinan mereka yang berbeza-beza. Tambahan pula, latar sosial juga amat mempengaruhi emosi para responden. Kebanyakan responden memberi pelbagai alasan yang dianggap remeh dan sepatutnya tidak ditimbulkan oleh golongan yang dipanggil pendidik atau agen perubahan

Implikasi kajian

Hasil daripada kajian ini, kita dapat mengetahui bahawa kemahiran menulis sangat penting dalam menentukan pencapaian akademik seseorang pelajar. Setiap individu yang terlibat dalam proses perancangan, pengajaran serta pembelajaran BM harus peka dengan kepentingannya. Pemberatan dalam aspek kemahiran menulis haruslah diberi sejak di bangku sekolah rendah lagi. Kanak-kanak haruslah diberi peluang mengarang atau menulis dalam usaha melahirkan masyarakat yang benar-benar berkemampuan menghasilkan hasil penulisan yang bermutu. Pengkaji faham proses pengajaran BM sebagai bahasa kedua di kawasan pedalaman Sabah, bergantung kepada beberapa faktor yang mempengaruhinya

seperti situasi sosial pengalaman guru, kelayakan guru, kesuntukkan masa dan sebagainya. Dengan ini pengkaji berharap pihak ibu bapa, Kementerian Pelajaran memahami akan masalah-masalah yang dihadapi oleh para guru di kawasan pedalaman dan seterusnya membantu mereka melaksanakan tugas mereka dengan sebaik mungkin.

Oleh yang demikian, diharapkan melalui kajian ini, pihak yang terlibat seperti guru-guru dan Kementerian Pelajaran Malaysia akan mengambil langkah untuk menyesuaikan proses pengajaran dan cara-cara mengatasi masalah pelaksanaan kaedah dan strategi pengajaran kemahiran menulis. Pihak guru misalnya bolehlah membuat pemilihan dan gabungan yang sesuai tentang kaedah dan strategi dalam proses pengajaran kemahiran menulis

Implikasi dari kajian ini dapat dijadikan renungan bersama untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah perkaedahan dan strategi pengajaran kemahiran menulis ini. Masalah-masalah ini perlulah difikirkan bersama supaya segala kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan kemahiran menulis di semua sekolah pedalaman dapat diatasi. Kerjasama semua pihak adalah perlu bagi memperbaiki tahap kemahiran menulis di semua sekolah yang terlibat

Kesimpulan

Dari kesemua data ujian bertulis dan temu bual yang dihuraikan di atas, memberi maklumat yang sama iaitu seseorang pelajar yang tidak menguasai kemahiran menulis akan mengalami kesulitan meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. Guru-guru BM di sekolah menengah dibebani dengan sukatan yang perlu dihabiskan dalam masa setahun. Pentadbir pula lebih peka dengan keputusan keseluruhan yang diperolehi dalam sesuatu subjek. Pelajar yang lemah tidak diberi pemulihan dan semakin lama menjadi semakin lemah dalam pelajaran BM dan biasanya menjadi penumpang sehingga ke tingkatan lima

Walau bagaimanapun sebagai mengakhiri bab ini, dapatlah dikatakan guru merupakan unsur yang terpenting dalam pengajaran bahasa;

“The teacher is the key figure in the language course. It is the teacher who sets the tone for the learning activities...the teacher plays a prime role in effecting students progress or lack there of.....(Allen & Valette, 1977:304).

Melalui petikan di atas, dapat dikatakan bahawa walaupun berbagai masalah dihadapi guru, tapi cara guru menggunakan kaedah dan strategi adalah amat penting dalam memperkembangkan pencapaian murid-murid. Peranan guru adalah amat penting di sini dalam pengajaran yang efektif untuk membawa pelajar-pelajar ke mercu kejayaan.

Rujukan

- Aaron V. Cicourel (1974). *Language Use And School Performance*. University of California New York : Academic Press Inc.
 Abdullah Hassan (1987). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Alias Shamsuddin (1967). Aqn Investigation in the Errors of Chinese Speaker Written Composition And Their Implication of the effective Teaching of Malay As A Second language. Tesis m. Phil. University of London.
- Asmah Hj. Omar (1992). Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Awang Had Salleh et al. (1970). Bahasa Malaysia Di Dalam dan Di Luar Konteks Perancangan Malaysia Kedua. Kuala Lumpur : Fakulti pendidikan Universiti Malaya.
- Azman Wan Chik (1983). Trend-Trend Baru dalam Bidang Pendidikan bahasa. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fishman Joshua A. Charles A, Ferguson and Jyotirindra Das Gupta (eds). (1968). Language Problems Of Developing Nations. New York : John Wiley and Son.
- Kamaruddin Hj. Husin (1986). Pedagogi bahasa. Petaling Jaya : Longman
- Koh Boh Boon (1988). Pengajaran bahasa Malaysia di kelas peralihan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa. 32 (3) : 180 – 186.
- Lado Robert (1964). Language Teaching. New York : Mc Graw Hill In
- Long M.H. dan Richards, J.C. (1987). Masalah murid-murid bukan Melayu dalam penguasaan imbuhan Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa 30 (15) : 316 –323
- Stern H.H (1983). Talking lbout Language teaching. Dlm. H.H. Stern, Fundamental Concepts of Language Teaching. London : Oxford University Press
- Teo Kok Seng (1986). Penerimaan Dan Penghayatan Bahasa Malaysia Di Kalangan Masyarakat Cina : Satu Kajian kes Di Kajang, Selangor. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka